

ARSM, Kementerian Kesihatan terima Anugerah Inovasi



DR. ALI Hamsa (tengah) menyampaikan piala kepada Pegawai Daerah Hilir Perak, Shahril Ismail yang memenangi Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah dan Tanah Kategori Pihak Berkuasa Tempatan pada Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2013 di Teluk Intan, Perak, semalam. - UTUSAN/ZULKARNAIN MOHD. SAIDIN

TELUK INTAN 12 Sept. - Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan Kementerian Kesihatan dipilih sebagai penerima Anugerah Inovasi Sektor Awam 2013 dalam Kategori Teknologi Maklumat dan Komunikasi kerana kejayaan menghasilkan Sistem Pengurusan Wabak Denggi yang efisien.

Di bawah sistem pengurusan itu, ARSM bertindak mengenal pasti lokasi dan premis yang berlaku wabak denggi dengan menggunakan data-data maklumat informasi geografi (GIS).

Data-data berkenaan dapat membantu Jabatan Kesihatan bertindak segera terhadap premis yang berlaku wabak denggi dalam tempoh 24 jam.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Faridah Mohd. Ali berkata, sejak sistem itu dilaksanakan di tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka pada 2011, kes denggi di negeri berkenaan mencatat penurunan drastik.

"Sebagai contoh, kes denggi di Pulau Pinang pada 2011 menurun daripada 1,579 kepada 791 kes iaitu pengurangan 50 peratus. Begitu juga di Melaka yang mana kes demam

Sebagai contoh, kes denggi di Pulau Pinang pada 2011 menurun daripada 1,579 kepada 791 kes iaitu pengurangan 50 peratus. Begitu juga di Melaka yang mana kes demam denggi mencatat pengurangan sebanyak 25 peratus

FARIDAH MOHD. ALI
Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan

denggi mencatat pengurangan sebanyak 25 peratus.

"Kejayaan Sistem Pengurusan Wabak Denggi ini adalah hasil inovasi antara ARSM dan Kementerian Kesihatan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2013 yang dirasmikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa di sini hari ini.

Dalam majlis itu, Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak dipilih sebagai pemenang Kategori Pejabat Tanah dan Daerah manakala Majlis Perbandaran Kuantan menerima anugerah untuk Kategori Pihak Berkuasa Tempatan.

Sementara itu, tiada pemenang bagi Kategori Pengurusan Kewangan.

Menurut Faridah, Sistem Pengurusan Wabak Denggi akan dilaksanakan ke negeri-negeri lain secara berperingkat tidak lama lagi.

Beliau berkata, pelaksanaan sistem berkenaan dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dalam mengawal wabak denggi.

"Sistem ini melambangkan kejayaan kedua-dua pihak dalam melaksanakan pengurusan mengawal denggi secara berkesan.

"Kajian yang dijalankan tahun ini mendapati ada penjimatan iaitu kira-kira setengah juta ringgit di negeri-negeri yang melaksanakan Sistem Pengurusan Wabak Denggi ini berbanding negeri-negeri yang belum lagi melaksanakannya," ujarnya.